

26 MAY 2005

Mahathir-Sri Lanka

DR MAHATHIR TIBA DI SRI LANKA DAN PUNYAI JADUAL KETAT

COLOMBO, 26 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tiba di sini Khamis dan menerima anugerah khas daripada masyarakat Islam di negara ini pada acara pertama lawatan dua hari yang padat dengan pelbagai acara.

Beliau menerima anugerah "Adams Peak", yang julung kali diberikan oleh Majlis Masyarakat Islam Sri Lanka, sebagai menghargai kepimpinannya yang cemerlang bagi umat Islam dunia.

Turut hadir pada majlis itu ialah bekas jaguh kriket Pakistan, Imran Khan.

Dr Mahathir kemudian berucap pada satu forum perniagaan anjuran Lembaga Pelaburan Sri Lanka dan menjadi tetamu kehormat sambutan ulangtahun ke-10 MTN Networks Pvt. Ltd (Dialog GSM), anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia.

Syarikat itu menukarkan namanya kepada Dialog menjelang rancangannya untuk menawarkan saham awam di bursa saham Colombo.

Dialog merupakan pengendali telefon bimbit terbesar di Sri Lanka dengan jualan melebihi satu juta unit.

Dr Mahathir diiringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, para pegawai Yayasan Kepimpinan Perdana serta serombongan ahli perniagaan.

Antaranya ialah bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Sri Lanka, Datuk Abdul Kadir Deen dan Tan Sri Wan Azmi Hamzah, yang pernah memiliki saham terbesar Hotel Colombo Plaza.

Malam ini, Dr Mahathir dijadual berucap pada persidangan pemimpin dunia CIMA 2005 sebelum diraikan oleh Presiden Chandrika Kumaratunga pada majlis makan malam.

-- BERNAMA

FS LDB AZZ